

Kos haji naik, Tabung Haji tanggung perbelanjaan RM350j

UTUSAN MALAYSIA 20/1/2024 A/3:1

Oleh FITRI NIZAM

fitri.nizam@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) membelanjakan RM350.1 juta bagi menampung kos ibadah itu yang meningkat kepada RM33,300

bagi setiap jemaah berbanding RM30,850 pada tahun lalu berikutan peningkatan pelbagai kos bagi melaksanakan ibadah haji.

Pelaksanaan rukun Islam kelima itu berdepan kenaikan kos merangkumi seluruh rantaian

perkhidmatan termasuk penginapan, penerbangan, sajian, visa dan kos lain di dalam negara serta Arab Saudi, sekali gus memaksa kos keseluruhan terus meningkat.

Berita di muka 2

Utusan Malaysia
SABTU • 20 JANUARI 2024

2

Kos haji naik, Tabung Haji tanggung perbelanjaan RM350j

Dari muka 1

Bagi menangani kenaikan itu, Tabung Haji memperuntukkan kira-kira RM350 juta bagi mengelak bakal haji kategori B40 dan M40 daripada membayar kos penuh RM33,300.

Bagi musim haji akan datang bayaran haji muassasah B40 yang pertama kali melaksanakan ibadah itu ditetapkan pada RM12,356 seorang manakala M40 dikenakan bayaran RM19,152.

Bagi B40, subsidi yang ditanggung kerajaan dan Tabung Haji adalah sebanyak RM20,944 manakala bagi M40, jumlah yang dibantu adalah RM14,148.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Syed Hamadah Syed Othman berkata, untuk bakal haji B40 jumlah yang dibantu adalah RM20,944 seorang atau 63 peratus daripada kos keseluruhan.

"Bakal haji kumpulan B40 akan menerima Bantuan Kewangan Haji berjumlah RM14,148 seorang atau 42 peratus daripada kos keseluruhan," kata pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau juga menegaskan Kumpulan T20 perlu membayar bayaran penuh RM33,300 seorang.

Pada tahun lalu, hampir 500 jemaah haji musim 2022 dan 2023 dalam kalangan B40 dan M40 menolak Bantuan Kewangan Haji berkenaan.

Mereka terdiri daripada 67 orang yang menolak bantuan itu secara keseluruhan dan membayar penuh kos haji sebanyak RM30,850 manakala 396 jemaah haji membayar RM1,000 hingga RM12,000 lebih daripada kadar bayaran



TABUNG HAJI
جى كى اللى

Kos Haji seorang jemaah Muassasah 1445H/2024

RM33,300

(Kos Haji 2023 RM30,850)

		Bayaran Haji Individu	Bantuan Kewangan Haji (HAFIS)
B40	2024	RM12,356	RM20,944*
	2023	RM10,980	RM19,870
M40	2024	RM19,152	RM14,148
	2023	RM15,980	RM14,870
T20	2024	RM33,300	TIADA
	2023	RM30,850	TIADA

*Termasuk bantuan Kerajaan sebanyak RM1,000 seorang untuk B40

haji yang ditetapkan.

Bagi tahun ini, dijangka seramai 31,600 orang bakal menunaikan ibadah haji dan jumlah itu sama dengan yang ditetapkan pada tahun lalu.

Kesemua bakal jemaah itu mula menerima surat tawaran haji bermula semalam melalui aplikasi THIJARI.

Mengikut pecahan, tawaran itu dijangka membabitkan seramai 40 peratus jemaah haji daripada kumpulan B40, 58 (M40) dan dua peratus jemaah (T20).

Bakal haji perlu mencukupkan bayaran haji dan lulus pemeriksaan kesihatan sebelum menjawab surat tawaran tersebut dan jawapan boleh dilakukan dalam tempoh 11 hari bekerja melalui aplikasi THIJARI atau mengunjungi

mana-mana cawangan Tabung Haji yang berdekatan.

Mengulas lanjut berhubung kenaikan kos haji, Syed Hamadah berkata, Tabung Haji terdedah kepada faktor di luar kawalan seperti peningkatan inflasi, cukai nilai tambah dan caj perkhidmatan di Tanah Suci.

"Dalam usaha mengawal peningkatan kos haji, Tabung Haji juga memeterai perjanjian kontrak jangka panjang membabitkan penerbangan, penginapan, sajian makanan dan beberapa perkhidmatan di Arab Saudi.

"Walaupun berlaku kenaikan kos, Tabung Haji tetap mencari kaedah terbaik bagi memberikan perkhidmatan cemerlang demi kebajikan jemaah negara.